

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 03 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

**Bil. 2**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 69-100338  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarat-syarat yang dikenakan dan pemantauan yang dilakukan kepada syarikat yang memohon untuk mendapatkan logo halal dari pihak JAKIM. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat yang telah diberikan tanda logo halal tetapi tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan bilangan pegawai JAKIM yang ditugaskan untuk mengendalikan perkara ini.
2. 23-100166  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai produk-produk buatan Malaysia yang telah berjaya berada di pasaran antarabangsa.
3. 57-100134  
**Tuan Tan Bon You** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang lapuk bagi memartabatkan kesesuaiannya mengikut keadaan semasa dan jika ada, adakah suatu tempoh masa ditetapkan bagi melaksanakan pindaan tersebut.
4. 45-100299  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing selepas Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menolak saranan Kerajaan untuk menggunakan sekurang-kurangnya 51 peratus pekerja tempatan.

5. 27-100472  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan kejadian anjing peliharaan menyerang orang ramai di sesuatu kawasan perumahan tidak berulang lagi di masa akan datang. Nyatakan juga apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pemilik haiwan tersebut dan prosedur pengeluaran lesennya.
6. 39-100445  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengenai kualiti pengangkutan awam di negara ini khususnya di Lembah Kelang yang tidak memuaskan serta kurang mendapat perhatian orang awam. Apakah saranan dan langkah-langkah yang akan diambil bagi menggalakkan lebih ramai lagi orang awam menggunakan pengangkutan awam agar ianya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.
7. 20-100084  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
  - (a) jumlah Pegawai Khidmat Awam yang mengambil ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2003 dan 2004 dan peratusan kelulusannya; dan
  - (b) berapa ramaikah pegawai yang lulus dalam ujian PTK tahun-tahun berkenaan yang telah dinaikkan pangkat.
8. 22-100250  
**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai cadangan untuk memulakan perkhidmatan feri kenderaan dan penumpang di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
9. 31-100016  
**Datuk Benedict Bujang Tembak** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kesan Restricted Residence Act, 1933 sebagai suatu undang-undang untuk mengatasi jenayah. Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa ada antara mereka yang dibuang daerah menyebabkan wujud kesan-kesan negatif di daerah berkenaan disebabkan penjenayah masih dapat menjalankan aktiviti mereka seperti biasa ekoran kemudahan-kemudahan teknologi yang canggih dan efisien yang sedia ada sekarang.

10. 40-100040  
**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran udara yang disebabkan oleh pembakaran mayat daripada rumah-rumah mayat yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahan atau dikelilingi kawasan perumahan.
11. 42-100056  
**Tuan Tan Cheng Tee** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan lorong ketiga bagi laluan Ayer Keroh-Seremban, Lebuhraya Utara-Selatan. Mengapa lorong ketiga ini tidak dibina dari awal lagi kerana ia dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas dan kos membinanya tidaklah setinggi seperti hari ini.
12. 58-100133  
**Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada masanya telah sampai untuk menghasilkan diesel daripada minyak kelapa sawit memandangkan negara kita adalah pengeluar terbesar minyak kelapa sawit, sementara Kerajaan memberi subsidi yang besar dalam penggunaan minyak diesel di negara ini.
13. 18-100485  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah nilai "peg" ringgit Malaysia kepada Dolar Amerika perlu diubah kerana bebanan daripada penurunan nilai Dolar Amerika hari ini dikatakan terpaksa ditanggung oleh rakyat. Apakah ianya wajar demi untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar.
14. 17-100389  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab-sebab yang mengakibatkan kehilangan barangan yang disimpan untuk dibawa ke mahkamah sebagai bahan bukti dan tindakan untuk menguruskan kes-kes kehilangan tersebut bagi tahun 2000 hingga 2005.
15. 67-100081  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah bentuk tindakan yang akan diambil Kerajaan bagi menangani kontroversi majikan-majikan yang tidak melangsaikan bayaran gaji kepada pekerja-pekerja asing tanpa izin daripada Indonesia memandangkan perkara ini telah diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu dalam mengeruhkan perhubungan dua hala dan diplomatik di antara kedua-dua buah negara.

16. 48-100007  
**Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan agar negara tidak bergantung kepada Indonesia dari segi guna tenaga memandangkan kesukaran untuk mendapat tenaga pekerja dari negara itu.
17. 15-100451  
**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penuntut-penuntut di Universiti digalakkan bersukan selain daripada mendapat segulung ijazah. Apakah Kementerian berhasrat atau mempunyai rancangan mengeluarkan penuntut-penuntut seperti Dato' Dr. Jagadesan sebagai olahragawan dan berjaya menjawat sebagai Doktor Perubatan pada masa yang sama.
18. 43-100035  
**Puan Hajjah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat manakah kejayaan Kementerian dalam mewujudkan sistem mentor mentee di setiap Jabatan, Fakulti atau Pusat Pengajian di Universiti Tempatan.
19. 66-100246  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha-usaha tambahan yang dibuat oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan diesel yang berlarutan di Sarawak walaupun ada tindakan yang telah diambil setakat ini.
20. 65-100053  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memperkukuhkan Sekolah Kebangsaan.
21. 62-100125  
**Datuk Hajjah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebagai sebuah negara Islam, mengapakah Kerajaan membenarkan kedai menjual peralatan seks secara terbuka diadakan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.
22. 53-100192  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) apakah keadaan kesihatan warga Malaysia terutama golongan yang menghidap penyakit AIDS dan adakah perangkaan ini akan menjejaskan imej negara kita; dan
  - (b) jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil atau dicadang bagi mengawal penyakit ini.

23. 59-100179  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah anggota polis (anggota pangkat rendah dan pegawai) masa ini serta komposisi mereka mengikut kaum dan pangkat.
24. 45-100287  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan konsesi-konsesi lebuhraya yang telah diluluskan untuk pembinaannya di Lembah Klang mulai 2005.
25. 47-100311  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan semua bentuk iklan anti dadah dalam siaran radio, televisyen dan akhbar-akhbar perdana yang telah disiarkan setakat ini.
26. 41-100260  
**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) berapa ramaikah jumlah keciciran para pelajar sekolah rendah tahun enam yang masuk ke sekolah menengah hingga mengambil peperiksaan SPM mengikut kaum; dan
  - (b) mengikut kajian Kementerian apakah punca keciciran tersebut.
27. 9-100518  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah cadangan penubuhan Bank IKS dibuat berikutan terdapat kelemahan pengurusan ke atas pengeluaran pinjaman dari tabung dan dana yang diperuntukkan oleh Bank Negara melalui bank-bank tempatan dan adakah ianya dapat mengatasi sepenuhnya masalah-masalah yang dihadapi oleh IKS untuk mendapatkan pembiayaan modal apabila diwujudkan.
28. 30-100526  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan bagi memasukkan pendekatan konsep Islam Hadhari dalam sukatan pelajaran di sekolah bagi pelajar seluruh negara.

29. 60-100395  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-
- (a) berapakah kos Kompleks Rakan Muda, sukan air dan udara di Pengerang Johor yang dianggap satu pembaziran terutamanya ketika sukan utama negara seperti bola sepak masih merosot; dan
  - (b) apakah ini menyebabkan cadangan membina kompleks sukan di setiap DUN hanya janji kosong sehingga projek IKBN Tenggara dan Rakan Muda Tangkak ditangguhkan.
30. 20-100111  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan:-
- (a) jumlah kerugian disebabkan kegiatan penyeludupan petrol dan diesel; dan
  - (b) apakah taktik atau cara-cara yang dikenal pasti digunakan oleh penyeludup petrol dan diesel serta apakah langkah-langkah Kementerian untuk membendung aktiviti penyeludupan ini daripada terus berlaku.
31. 25-100346  
**Puan Ooi Siew Kim** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengambil langkah yang positif iaitu mengenakan bayaran terus levi kepada setiap buruh asing semasa mereka membuat permohonan iaitu RM1400.00 bagi setiap pekerja asing dan oleh sebab ini dapat menyekat syarikat atau orang perseorangan memohon terlalu ramai buruh asing dan menjual atau menyewa buruh asing kepada syarikat lain bagi mencari keuntungan.
32. 46-100329  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan individu yang telah didakwa di mahkamah atas kesalahan rasuah mengikut amaun kesalahan.
33. 17-100391  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status galakan syarikat-syarikat Malaysia meneroka peluang-peluang di luar negara agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa.
34. 44-100272  
**Puan Safinah binti Jusoh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan jenis kes dalam mahkamah-mahkamah syariah di seluruh negara yang masih tertangguh dan jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada penangguhan tersebut.

35. 59-100180  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah pekerja asing yang berada di dalam negara kita sekarang mengikut kategori negara dan sektor pekerjaan mereka.
36. 4-100549  
**Datin Paduka Jaya Partiban** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat ramai Guru-guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di SRJK Tamil yang sangat komited (committed) dan berdedikasi yang ingin melanjutkan pelajaran. Apakah rancangan Kementerian untuk memberi peluang guru-guru ini melanjutkan pelajaran mereka.
37. 38-100369  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tahap keselamatan sesuatu barang kes dikawal bagi mengelakkan kehilangan hingga menjejaskan proses perbicaraan di mahkamah.
38. 21-100230  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar pada Persidangan CEO di Kota Kinabalu baru-baru ini, satu cadangan kepada Petronas untuk mendirikan Loji Petro-Kimia di Sabah telah dikemukakan, selain daripada loji methanol di W.P. Labuan. Adakah Petronas serius bercadang untuk mewujudkan loji seperti ini di masa yang terdekat.
39. 7-100206  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci sambutan bukan bumiputera terhadap latihan-latihan perindustrian yang ditawarkan. Berapa peratuskah pemohon-pemohon bukan bumiputera yang menerima tawaran ini.
40. 56-100095  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Tentera Laut dan Tentera Udara kita mempunyai kapal selam, bot rondaan, kapal terbang dan mekanisma pengesan yang mencukupi untuk membuat rondaan dan melindungi persisiran pantai dan laut kita dari pendaratan pendarat asing, penyeludupan barangan dan lanun.
41. 19-100367  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dijadikan peraturan atau syarat untuk pergerakan gaji dan kenaikan pangkat bagi guru.

42. 52-100564  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan syarikat Petroleum Nasional iaitu Petronas memasuki sektor perubatan dengan pembinaan hospital memandangkan kewujudan hospital-hospital swasta yang terlalu banyak kebelakangan ini dan apakah dasar Petronas dari sudut perniagaan.
43. 8-100503  
**Tuan Saravanan a/l Murugan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mengurangkan peratusan belia-belia yang terlibat dalam kes-kes jenayah di negara ini.
44. 70-100198  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilakah tarikh akhir Kerajaan menyemak skim gaji Pegawai dan Kakitangan Penjara dan apakah skim gaji yang dipersetujui telah dilaksanakan secara menyeluruh.
45. 49-100561  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak negatif ke atas Stok Broker bumiputera berikutan pengenalan terhadap Capital Market Masterplan.
46. 51-100005  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) bilangan pertambahan penagih dadah baru di seluruh negara pada sukuan pertama 2005 mengikut kaum dan negeri; dan
  - (b) apakah tindakan yang telah diambil untuk mencegah pertambahan ini.
47. 24-100581  
**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan pengeluaran MyKad hanyalah kepada warganegara Malaysia dan mereka yang mendapat status pendatang dengan izin atau pemastautin tetap kerana dikhuatiri dengan kelemahan sistem pendaftaran kelahiran dan sebagainya di bahagian pedalaman dan pesisiran pantai, ianya boleh disalahgunakan oleh para pendatang untuk mendapat hak kerakyatan secara percuma dari Kerajaan Malaysia.

48. 14-100426  
**Tuan Krishnan a/l Maniam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut oleh pencarum-pencarum kaum India dan apakah cadangan dan perancangan Kerajaan dengan wang yang tidak dituntut tersebut.
49. 70-100181  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan undang-undang bagi mewajibkan pewaris menyelesaikan masalah pemilikan tanah dalam jangka waktu tertentu berikutan kes tanah rezab Melayu di seluruh negara gagal mengambil kesempatan menghasilkan sejumlah RM38 billion dalam bentuk kecairan modal apabila dicagarkan kepada Institusi Kewangan.
50. 39-100444  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi menaik taraf perumahan awam yang terdapat di sekitar ibu kota. Ini kerana sebilangan perumahan awam yang terletak di tengah-tengah ibu kota tidak diselenggara dengan baik dan memburukkan keindahan serta pandangan para pelancong.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Keselamatan Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

2. **Dato' Hamzah bin Zainudin** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

- |    |                  |  |                                   |
|----|------------------|--|-----------------------------------|
| 3. | * (D.R. 1/2005)  | Rang Undang-undang Kawalan<br>Pertukaran Wang (Pindaan) 2005             | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| 4. | * (D.R. 5/2005)  | Rang Undang-undang Kesalahan-<br>kesalahan Penerbangan (Pindaan)<br>2005 | “                                 |
| 5. | * (D.R. 3/2005)  | Rang Undang-undang Angkatan<br>Tentera (Pindaan) 2005                    | “                                 |
| 6. | * (D.R. 28/2004) | Rang Undang-undang Konvensyen<br>Senjata Kimia 2004                      | “                                 |

- |    |                 |  |            |                                   |
|----|-----------------|--|------------|-----------------------------------|
| 7. | * (D.R. 7/2005) | Rang Undang-undang<br>Tambahhan (2004) 2005        | Perbekalan | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| 8. | * (D.R. 6/2005) | Rang Undang-undang Ahli<br>(Saraan) (Pindaan) 2005 | Parlimen   | “                                 |
| 9. | * (D.R. 2/2005) | Rang Undang-undang<br>Kerajaan (Pindaan) 2005      | Pelaburan  | “                                 |

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2004</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMENT</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 163	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	3 Mei 2005
ST.172	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	3 Mei 2005
ST.188	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Tahun 2003 (Telah Diaudit).	3 Mei 2005
<b><u>TAHUN 2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMENT</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.1	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Johor Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.2	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.3	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.4	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.5	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Tahun 2003.	3 Mei 2005

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMENT</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.6	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.7	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Perak Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.8	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.9	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.10	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.11	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.12	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2003.	3 Mei 2005
CMD.13	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Akaun Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2003.	3 Mei 2005